

UCAPAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA
MENTERI, DATO HUSSEIN ONN, DIUPACARA
PEMBUKAAN RESMI BANGUNAN JABATAN-
JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DI
KUCHING, SARAWAK, PADA 27HB APRIL, 1978
JAM 3.00 PETANG

1. Y.A.B. Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub, Ketua Menteri Sarawak,
- 1a. *Yang Amat Berbahgia, Tun Datuk Patinggi Tuanke Haji Buyang bin Tuanke Haji Othman*
2. Y.B. Datuk Haji Abdul Ghani Gilong, Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-Kemudahan Awam, *Dewan Undangan Negeri Sarawak.*
- 2a. *Y.B. ~~Tuanke~~, ~~Dewan Undangan Negeri Sarawak.~~ yang Depetua*
3. Y.B. Menteri-Menteri Persekutuan,
4. Y.B. Timbalan-Timbalan Ketua Menteri Sarawak, *menteri muda*
5. Y.B. Menteri-Menteri dan ~~Pembantu Pembantu Menteri~~ Negeri Sarawak,
6. Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan,
7. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan izinNYA, dapat saya melakukan lawatan resmi ke Negeri Sarawak. Sejak saya memegang tugas pucuk pimpinan Parti dan Kerajaan pada awal tahun 1976, saya telah

beberapa kali bercadang membuat lawatan resmi ke Sarawak. Tetapi setiap kali ditetapkan tarikh jadual lawatan itu, saya terpaksa menangguhkannya. *oleh sebab² yang tidak dapat ~~ada~~ di elakan.*

2. Sekalipun saya tidak dapat membuat lawatan ke Sarawak terlebih awal lagi, kepentingan dan kebajikan rakyat Sarawak sentiasa ada dalam ingatan saya. Sesungguhnya, saya sentiasa mengikuti segala kemajuan dan perkembangan di negeri ini.

3. Saya sukalah mengambil kesempatan ini, mengucapkan berbilang terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Kerajaan dan rakyat Negeri Sarawak, khusus kepada Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub, di atas sambutan meriah serta penghormatan yang telah diberikan kepada saya dan isteri saya di Lapangan Terbang Kuching pagi ini. Penghormatan itu jelas melahirkan perpaduan dan persefahaman rakyat berbilang kaum di negeri ini, serta ~~pimpinan dinamis~~ ketua-ketua parti dan Kerajaan di Sarawak. Penghormatan ini, juga membuktikan sokongan dan keyakinan rakyat dan Kerajaan Negeri Sarawak terhadap ~~pucuk pimpinan~~ Barisan Nasional dan

Kerajaan Persekutuan, ~~yang saya ketuai~~.

4. Upacara pembukaan resmi Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan Persekutuan petang ini, merupakan satu lagi penghormatan bagi saya. Bangunan yang indah ini, melambangkan hasrat Kerajaan Persekutuan mewujudkan hubungan yang lebih mesera dan persefahaman yang lebih erat, dengan Kerajaan Negeri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5. Sebagaimana kita sedia maklum, ~~bahawa~~ Malaysia telah ditubuhkan hampir 15 tahun yang lalu, diatas konsep perkongsian antara negeri-negeri yang

mempunyai ^{taraf} ~~status~~ yang sama. ~~dari segi undang-undang.~~
^{perkhidmatan}
Penyatuan negeri-negeri melalui konsep perkongsian ini, adalah semata-mata bertujuan bagi menguatkan lagi perasaan taat setia dan bersatu-padu, di kalangan rakyat berbilang kaum ~~dari berbagai~~ ~~Ugama dan keturunan~~ di tanahair kita ini.

6. Proses penyatuan di atas konsep perkongsian ini, telah di jalankan melalui penyelarasan dan ubahsuaian kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan- perlembagaan negeri-negeri, bagi menepati keperluan-keperluan tertentu. Beberapa penyelarasan dan penyatuan ~~jentera-jentera~~ pentadbiran, serta

perundangan, termasuklah perlanjutan undang-undang yang digunakan di Negeri-negeri Semenanjung Malaysia ke Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, telah sebanyak sedikit dijalankan.

7. Tetapi penyelarasan dan penyatuan ~~jentera~~
~~jentera~~ ^{negri} pentadbiran dengan Perkhidmatan Persekutuan, yang melibatkan usaha mengadakan sistem organisasi ~~jentera~~ pentadbiran yang ^{ordinated} co-ordinated, sekim-sekim perkhidmatan dan tanggagaji yang sama, dan peraturan-peraturan pengurusan yang sama, belum dapat lagi diwujudkan sepenuhnya. Persefahaman telahpun dicapai dalam tangga-gaji dan penyatuan perkhidmatan ini, dalam perundingan baru-baru ini di Kuching, di antara Ketua Menteri Sarawak dengan Timbalan Perdana Menteri.

~~Seri Dr. Mahathir.~~ Saya harap, tindakan selanjutnya akan dapat dijalankan bagi mencapai hasrat dan cita-cita konsep perkongsian ini, dalam erti kata sebenar-benarnya.

Puan² dan Puan² sehalian.

8. Hubungan yang lebih erat dan persefahaman yang lebih mesra, perlulah diwujudkan diantara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri, bagi melicini dan meningkatkan lagi pelaksanaan pembangunan serta mengukuhkan perpaduan. Semangat kerjasama dan persefahaman ini, hendaklah di pelihara dan diamalkan pada setiap masa, dalam sebarang urusan diantara Kerajaan Persekutuan ~~dengan~~ dan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

[REDACTED]

9. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung, mengetuai Jemaah Menteri, dan kedua-duanya bersama-sama bertanggungjawab kepada Parlimen. Ini bermakna, Jemaah Menteri adalah bertanggungjawab kepada seluruh rakyat di negara ini.

10. Tiap-tiap negeri mempunyai Perlembagaan masing-masing. Perlembagaan Persekutuan menjamin pemeliharaan Perlembagaan Negeri. Pembahagian kuasa-kuasa pemerintah diantara Kerajaan Persekutuan *dan kerajaan negeri,* ^{kan} juga dihurai/dalam Perlembagaan Persekutuan.

Demikianlah dengan perhubungan diantara Persekutuan dengan Negeri-negeri. Kewajipan negeri-negeri kepada Persekutuan juga ada ditentukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

11. Menteri Besar atau Ketua Menteri bertanggungjawab terhadap pentadbiran dalam negeri masing-masing, serta dalam perkara-perkara yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan sebagai tanggungjawab negeri. Diatas landasan inilah, dan berasaskan kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan, tiap-tiap negeri hendaklah bergerak maju bersama-sama dan sehaluan, sebagai sebuah negara yang bersatu-padu, bagi membawa keamanan, kemakmuran,

keadilan dan kebahagiaan kepada seluruh rakyat dan di Malaysia. Menteri Besar/Ketua Menteri sebagai pucuk pimpinan ~~jentera~~ pentadbiran Kerajaan dalam negeri masing-masing, adalah ditugaskan memandu serta memastikan, perjalanan yang lebih cekap dan sempurna bagi negeri masing-masing, ke arah matalamat ini, supaya Malaysia yang mengandungi berbilang negeri, dan rakyatnya terdiri dari berbagai kaum, dan keturunan serta berlainan agama dan kebudayaan, dapat wujud kukuh, teguh dan bersatupadu, sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

12. Perdana Menteri dan Jemaah Menteri yang bertindak sebagai penyelaras, mengawasi dan memastikan perjalanan pentadbiran dan pelaksanaan

dasar-dasar dan program-program yang telah di tetapkan, sentiasa memberi sokongan, bantuan dan ^{dan} kerjasama kepada Menteri Besar/Ketua Menteri, dengan penuh semangat persefahaman dan toleransi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri wujud ~~sebagai~~ sebagai dua badan kuasa yang berasingan ~~tetapi~~ ~~dan~~ bergerak bantu-membantu antara satu sama lain. Kerajaan Persekutuan mempunyai tanggungjawab yang ~~lebih~~ lebih luas dari ~~Kerajaan-~~ Kerajaan Negeri. ~~Melainkan~~ Melainkan di atas perkara-perkara yang ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab

di antara lain, dalam ^{bidang} pertahanan, hal-ehwal keselamatan, hal-ehwal luar negeri, pelajaran, kesihatan, pembangunan dan kewangan. Kerajaan-Kerajaan Negeri setiap masa, hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam peranannya menunaikan tugas dan tanggungjawab ini. Dalam bidang pelajaran dan kesihatan misalnya, Kerajaan Persekutuan, berazam memastikan supaya tiap-tiap kanak-kanak dan rakyat menikmati kemudahan dan layanan yang saksama. Dalam melaksanakan projek dibidang ini, Kerajaan-Kerajaan Negeri patutlah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menyediakan tanah dan tapak-tapak untuk projek, dan janganlah menimbulkan masalah atau persoalan, yang boleh menghalang pelaksanaan projek-projek ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Selain daripada penyatuan^{perkhidmatan} bagi agensi-agensi dan Jabatan-Jabatan yang dipersekutukan, usaha-usaha yang lebih serius dan dinamis hendaklah juga di jalankan dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Sungguh benar, amalan ^{peng-us-ha} pengusaha dan peniaga Sarawak dan Sabah, menjalankan kegiatan perniagaan dan perdagangan terus menerus dengan pihak-pihaknya di luar negeri, adalah lebih mudah dan murah. Tetapi mereka hendaklah faham, bahawa amalan yang ber-lanjutan seperti ini, tidak akan dapat mewujudkan perhubungan rapat dengan pengusaha-pengusaha di Semenanjung Malaysia. Mereka perlu secara ber-peringkat-peringkat, mewujudkan kerjasama dan persefahaman yang lebih rapat dan erat, supaya

hasrat dan cita-cita kita mewujudkan sebuah negara yang tulin, dapat dicapai.

15. Saya harap, hubungan, kerjasama dan persefahaman ini, dapat dikukuhkan, dengan wujudnya satu sistem pengangkutan dan perjalanan yang lebih berkesan, sempurna dan teratur. Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha bagi mewujudkan sistem perhubungan yang lebih cepat dan cekap, bagi menampung keperluan pengusaha-pengusaha dan masyarakat perdagangan dari Sarawak *dan Sabah*.

16. Dalam bidang sukan dan kebudayaan, semangat persefahaman dan kerjasama telahpun wujud.

Sarawak telah menyertai dalam berbagai kegiatan

peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukan di Kuala Lumpur. Saya harap, lebih banyak lagi acara-acara pertandingan Kebangsaan ini, dapat diadakan di Sarawak, dalam usaha kita meningkatkan lagi semangat kesukanan yang bermutu, dan persefahaman di kalangan peminat dan peserta.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

17. Dengan terlaksananya konsep perkongsian ini, maka penyatuan dalam pentadbiran yang dipersekutukan, serta dalam lain-lain bidang dan kegiatan, akan dapat *satu persatu nya.* dijayakan satu persatunya secara otomatik.

...17/-

18. Saya penuh yakin, dengan penerimaan Laporan Gaji Baru Kabinet oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan di Sarawak, proses penyatuan perkhidmatan agensi dan Jabatan yang di Persekutukan, dapat di percepatkan lagi. Dengan integerasi ini, pegawai-pegawai yang dipersekutukan, akan mempunyai peluang kenaikan pangkat yang lebih luas lagi.

[REDACTED]

[REDACTED]

Penerimaan Laporan Gaji Baru Kabinet ini, merupakan hasil persefahaman dan perhubungan mesra, diantara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Dengan pelaksanaan tanggungaji sama, peraturan-peraturan perkhidmatan yang sama, maka persefahaman dan perhubungan ini, akan menjadi bertambah erat lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

19. Saya sukalah memberi jaminan di sini, bahawa layanan yang saksama dan adil, akan diberikan kepada semua pegawai dan kakitangan dalam agensi dan Jabatan yang dipersekutukan, termasuklah peluang-peluang kenaikan pangkat. Janganlah merasa bimbang dan sangsikan, di atas pelaksanaan usaha penyatuan perkhidmatan yang dipersekutukan ini.

19/-
~~20/-~~

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

19. Saya sukacita mengambil kesempatan di sini, mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia, Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang bin Tuanku Haji Othman, kerana telah berkenan memberi

...20/-

persetujuan menamakan Bangunan yang ada di hadapan kita sekarang ini sebagai "Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang". Yang Amat Berbahagia Tun Datuk Patinggi telah banyak memberi sumbangan kepada kemajuan Negara amnya, dan Negeri Sarawak ini khasnya, dan ~~bagi~~ ^{sebagai} mengenang ~~kan~~ ^{kan} jasa-jasa dan khidmat-bakti Yang Amat Berbahagia Tun ^{itu,} selaku bekas Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Sarawak, inilah bukti yang dapat kita lahirkan.


22. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terimakasih, dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak, yang telah menjayakan

upacara ini. Saya berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wataala, semoga diberikan taufik dan hidayah, serta perlindungan dan keselamatan, kepada setiap pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di dalamnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

21. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya, mengisytiharkan Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang, dibuka dengan resminya.

Terimakasih.





No Siri	358
No Penerimaan	25/81